

U B945 DEB
MAHATHIR - KOPERASI

1985

KUALA LUMPUR, 2 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KOPERASI MESTILAH MENGAMALKAN SEMANGAT KERJASAMA SECARA MENYELURUH BAGI MEMASTIKAN AKTIVITI YANG DIRANCANG DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN BERKESAN.

PENCAPAIAN KOPERASI AKAN LEBIH BAIK JIKA PRINSIP UTAMA DALAM KOPERASI ITU DIBERI KEUTAMAAN DALAM MEMBINA ERA BARU PERGERAKAN KOPERASI DI NEGARA INI,+ KATA PERDANA MENTERI DALAM BUKU CENDERAMATA SEMPENA HARI KOPERASI ANTARABANGSA KE-63 PERINGKAT KEBANGSAAN YANG AKAN DISAMBUUT ESOK.

UPACARA PERASMIAN AKAN DILAKUKAN OLEH MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR, DATUK SERI SANUSI JUNID SERENTAK DENGAN PERASMIAN PERSIDANGAN KEBANGSAAN ANGKASA KE-6 DI DEWAN TUNKU CANSELOR, UNIVERSITI MALAYA DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA GERAKAN KOPERASI SEMAKIN PENTING DALAM MEMBANTU USAHA KERAJAAN MEMAJUKAN SEKTOR EKONOMI KHUSUSNYA DALAM BIDANG PERNIAGAAN.

KERAJAAN MEMANG MENARUH KEYAKINAN TERHADAP KEMAMPUAN GERAKAN-GERAKAN KOPERASI DALAM MELAKSANAKAN USAHA MEMAJUKAN EKONOMI UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT. -- LAGI.
1934MST 02 08 85

MAHATHIR - KOPERASI 2 KUALA LUMPUR

+ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB SESEBUAH KOPERASI UNTUK MENYESUAI DAN MENGAMALKAN PRINSIP-PRINSIP BERKOPERASI SELARAS DENGAN PERKEMBANGAN EKONOMI,+ TAMBAHNYA.

SEMENTARA ITU DATUK SERI SANUSI JUNID DALAM PERUTUSANNYA BERKATA KEJAYAAN SESEBUAH KOPERASI BUKANLAH TERLETAK KEPADA BILANGAN ANGGOTANYA TETAPI TERLETAK KEPADA PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN YANG CEKAP.

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN YANG CEKAP ITU ADALAH TANGGUNGJAWAB ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH SESEBUAH KOPERASI ITU, TEGASNYA.

KETUA PENGARAH, JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI, HAJI ABDUL AZIZ ABDUL WAHAB DALAM PERUTUSANNYA PULA BERKATA SEJAK KOPERASI DIPERKENALKAN DI NEGARAINI 63 TAHUN LALU, KOPERASI-KOPERASI TELAH BERJAYA MENGUMPULKAN WANG SAHAM SEBANYAK \$1,022 JUTA DARIPADA 2.7 JUTA ORANG YANG MENJADI ANGGOTANYA DENGAN HARTA TERKUMPUL SEBANYAK \$4.728 JUTA.

KOPERASI-KOPERASI TELAH MELABURKAN KIRA-KIRA \$1,000 JUTA DALAM SYARIKAT-SYARIKAT AWAM DAN SWASTA SERTA 15 PERATUS DARIPADA JUMLAH ITU DILABUR DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT YANG BERGIAT DALAM BIDANG PERUSAHAAN, TAMBAHNYA.-- BERNAMA

1937MST 02 08 85